

Siri pelabur bijak, panduan memilih saham

BH 22/7/12 MS 21

Jika anda baru berjinak-jinak dalam pelaburan saham, pelajari cara-cara memahami maklumat asas berkaitan kewangan syarikat yang diminati, corak pasaran saham dan hala tuju ekonomi. Dalam artikel kali ini, kami akan mengupas beberapa panduan yang boleh digunakan dalam memilih saham syarikat tersenarai.



www.sidc.com.my

Baca Laporan Tahunan dan dapatkan maklumat ini:

Warren Buffet sering mengatakan bahawa membeli saham sesuatu syarikat adalah seumpama membeli sesuatu perniagaan. Anda perlu memahami asas syarikat sebelum membeli sahamnya.

Untuk mendapatkan maklumat khusus mengenai sesuatu syarikat, laporan tahunan syarikat itu akan memberikan maklumat yang anda perlukan. Berikut adalah antara maklumat penting untuk diketahui:

(1) Permodalan pasaran - Ini ialah jumlah nilai pasaran sesuatu syarikat yang boleh diperolehi dengan mendarabkan harga pasaran dengan saham belum dibayar. Ia akan memberi petunjuk untuk nilai pasaran saham syarikat itu dan boleh digunakan untuk membezakan antara syarikat permodalan besar dan kecil.

(2) Nisbah harga perolehan - Ini adalah nisbah kewangan yang paling kerap digunakan untuk menentukan nilai saham sesuatu syarikat. Cara pengiraannya ialah 'Harga Pasaran/Perolehan Sesaham'. Sebagai contoh, nisbah harga perolehan sebanyak 20 bermaksud, ia akan mengambil masa 20 tahun untuk menjana harga belian yang setara. Oleh itu, amnya carilah saham yang dengan nisbah harga perolehan yang rendah.

(3) Kadar hasil dividen - Cara pengiraannya ialah 'Dividen Sesaham/Harga Pasaran'. Maklumat ini penting kerana ia mewakili pulangan semasa yang akan diperolehi pelabur dengan membeli sesuatu saham dan lazimnya dibandingkan dengan kadar deposit tetap (kadar bebas risiko).

Jika kadar hasil dividennya lebih rendah berbanding kadar deposit tetap, lebih baik sekiranya anda menyimpan wang anda dalam deposit tetap dan bukannya melabur dalam saham. Elakkan membeli saham syarikat dengan kadar hasil dividen rendah, melainkan syarikat tersebut memamerkan pertumbuhan perolehan yang tinggi ataupun prospek masa hadapan yang baik.

(4) Nisbah Harga Kepada Nilai Buku - Nilai buku menggambarkan kos pemilik dalam sesuatu syarikat. Seseengah syarikat yang menjalankan kajian gemar menggunakan Aset Ketara Bersih berbanding Nilai Buku kerana Aset Ketara Bersih menjadi petunjuk untuk kos aset ketara sesuatu syarikat. Cara pengiraannya ialah 'Jumlah Aset - Jumlah Liabiliti - Aset Tak Ketara'. Walau bagaimanapun, Nilai Buku adalah lebih kurang serupa dengan Aset Ketara Bersih memandangkan jumlah Aset Tak Ketara di kebanyakan syarikat lazimnya kecil.

Cara pengiraan Nisbah Harga Kepada Nilai Buku ialah 'Harga Pasaran/Nilai Buku' syarikat. Nisbah ini menggambarkan gandaan harga (positif atau negatif) berbanding kos pemilik syarikat. Menurut Benjamin Graham, nisbah maksimum yang sepatutnya dibayar untuk saham sesuatu syarikat ialah 1.5 kali. Maksudnya, harga belian tidak seharusnya melebihi 1.5 kali kos pemilik.

(5) Pulangan ke atas ekuiti - Pulangan ke atas ekuiti dianggap sebagai kaedah terbaik dalam menilai prestasi pengurusan kerana ia menunjukkan kebolehan mereka untuk menjana keuntungan dengan modal yang ada. Ia adalah nisbah pendapatan bersih berbanding equiti pemegang saham. Menurut Warren Buffet, beliau cuma akan membeli saham dengan Pulangan ke atas Ekuiti

pada kadar 15 peratus ke atas.

(6) Julat harga - Dengan membandingkan julat harga dalam jangka masa yang panjang, anda boleh memerhatikan corak pergerakan harga saham tertentu. Ia berfungsi sebagai penunjuk yang baik untuk sifat turun naik harga saham tertentu. Lebih besar julat harga, maka lebih tinggilah risiko melabur dalam saham tersebut. Selain itu, Julat harga juga dapat memberitahu sama ada anda membeli pada harga tertinggi atau terendah berdasarkan julat harga lampau.

Berpandukan panduan di atas, anda sebagai pelabur pastinya mampu membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat.

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini adalah usaha berterusan SIDC bagi melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut meningkatkan tahap kesedaran mengenai pelaburan bijak dan pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel pendidikan pelabur untuk pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar putih dan biru. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-62048889 atau lawati Facebook kami di www.facebook.com/BMWSIDC